

PEMBELAJARAN VISUAL DALAM USAHA MENINGKATKAN TAHAP KEFAHAMAN MURID PRASEKOLAH

Oleh

Lee Chiong Wee
lee_cw5659@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan kajian ini dijalankan untuk menyelesaikan masalah kurang minat dan tidak memahami dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan kaedah pembelajaran visual. Subjek dalam kajian ini terdiri daripada 25 orang murid dari prasekolah jenis kebangsaan di daerah Kuching. Data dikumpul melalui senarai semak, temu bual dan latihan lembaran kerja. Hasil kajian tindakan ini menunjukkan peningkatan yang ketara tahap kefahaman murid prasekolah. Kajian ini menyarankan guru untuk mengaplikasikan gaya pengajaran dan pembelajaran visual supaya menarik minat murid dan juga meningkatkan tahap kefahaman mereka. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran visual sangat berkesan dalam membantu murid-murid prasekolah memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Saya mendapati bahawa kaedah ini sangat berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran topik tumbuhan, maka saya akan mengkaji sama ada kaedah ini dapat digunakan dalam topik yang lain.

Kata Kunci : Pembelajaran visual, kurang minat, lembaran kerja, berkesan, memahami

ABSTRACT

The purpose of study was to solve the problem of lack of interests and understanding among preschool children towards visual learning method. The subjects consisted of 25 students from preschool in Kuching area. The data for this study were collected by using checklists, interviews and worksheets. The findings showed a significant increase of students in preschool level of understanding. This study recommended the teacher to apply the visual style of teaching and learning that would attract students and also increase their level of understanding. The results showed that visual learning was very effective in helping students understand the teaching and learning carried out by teacher. I found that this method was very effective in teaching and learning topics of plants, however I would examine and try out whether this method can be used in other topics.

Key Words : Visual learning, lack of interest, worksheets, effective, understand

PENGENALAN

Konteks

Dalam kajian ini, saya menumpukan kepada masalah murid kuang memahami pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, saya telah mengkaji dan justeru memilih satu strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap kefahaman murid prasekolah. Strategi yang dipilih untuk kajian ini adalah pembelajaran visual berpandukan gambar iaitu murid-murid akan menerima isi pelajaran dalam kelas dengan berpandukan bahan-bahan bergambar yang menarik dan merangsangkan.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah

Saya telah menjalani praktikum sebanyak tiga kali di sekolah yang berlainan di daerah Kuching. Semasa praktikum, saya mengajar di prasekolah. Masalah utama yang saya hadapi ialah murid-murid prasekolah susah memahami benda yang ingin disampaikan oleh guru. Masalah ini wujud terutama semasa tema baru disampaikan. Murid-murid berasa keliru kalau guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran secara lisan sahaja. Selain itu, murid-murid prasekolah juga berasa segan dan malu bila saya bersoaljawab dengan mereka. Pada pendapat saya, saya berasa saya perlu bersikap mesra untuk meningkatkan motivasi mereka untuk bersoaljawab dengan guru.

Kalau pengajaran dan pembelajaran disampaikan secara lisan, ia cuma mampu menarik minat murid pada tempoh yang amat singkat. Lepas itu, murid-murid akan mula berbual-bual dengan kawan, main dengan kawan, tengok tempat lain dan lain-lain lagi. Proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berjalan dengan lancar dan objektif pembelajaran yang ditetapkan juga tidak akan tercapai. Dengan itu, kawalan kelas turut menjadi tidak bagus.

Saya mendapati kebanyakan murid mempunyai masalah dalam memahami satu tema baru yang diperkenalkan. Murid-murid prasekolah amat memerlukan gambaran awal untuk memahami sesuatu yang disampaikan. Kalau guru mengajar secara lisan, maka murid-murid tidak akan memahami apa yang disampaikan oleh guru. Sebagai seorang guru, kita tidak boleh mengabaikan murid-murid prasekolah yang belum memahami apa yang disampaikan.

Sebagai contoh, untuk tema bunga, sekiranya guru hanya menjelaskan ciri-ciri luaran bunga dengan lisan, maka murid-murid kurang memahami apa sebenarnya jenis bunga yang ingin disampaikan oleh guru. Dari pengalaman yang saya lepas, saya dapati murid-murid akan lebih minat dan memahami apa yang ingin disampaikan oleh saya sekiranya saya menunjukkan gambar bunga kepada mereka. Bagi ketiga-tiga fasa praktikum yang telah saya jalankan di prasekolah yang berlainan, saya telah banyak menggunakan strategi pembelajaran visual untuk menyampaikan isi pelajaran kepada para murid.

Fokus Kajian

Sepanjang tempoh saya menjalankan praktikum, saya telah mendapati banyak isu-isu yang boleh digunakan untuk menjalankan kajian saya. Murid-murid prasekolah

kurang memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh saya. Penjelasan saya terhadap sesuatu bahan mungkin terlalu dalam dan kurang jelas. Ini telah mengurangkan penglibatan murid-murid di dalam kelas.

Saya telah mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran yang saya sampaikan tanpa menggunakan gambar kurang berjaya. Murid-murid akan hilang tumpuan dan minat untuk mendengar apa yang disampaikan oleh guru.

Fokus utama dalam kajian saya adalah untuk menguji keberkesanan cara pembelajaran visual berpandukan gambar dalam membantu murid-murid prasekolah. Penggunaan pembelajaran visual berpandukan gambar ini dikaji sama ada dapat meningkatkan tahap kefahaman murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Selain itu, penggunaan grafik dan gambaran visual berpandukan gambar dapat digunakan untuk mengawal kelas. Murid-murid akan mempunyai minat dan memberi tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan pembelajaran visual berpandukan gambar dalam usaha mengatasi masalah kurang memahami terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Saya telah menjalankan kajian tindakan ini berdasarkan dua perspektif iaitu objektif umum dan objektif khusus. Objektif umum yang ditetapkan ialah meningkatkan tahap kefahaman murid prasekolah tentang pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan oleh guru serta meningkatkan minat mereka. Manakala objektif khusus yang ditetapkan ialah untuk menyelesaikan masalah kurang memahami tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan serta menguji keberkesanan pembelajaran visual.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan persoalan kajian berikut:

1. Adakah kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui visual berpandukan gambar dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah kurang memahami dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ?
2. Adakah strategi pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pembelajaran murid-murid prasekolah ?
3. Adakah pengajaran dan pembelajaran melalui visual berpandukan gambar lebih berkesan daripada strategi pengajaran dan pembelajaran yang lain dalam usaha mengajar murid-murid prasekolah ?

PELAKSANAAN TINDAKAN

Saya telah melaksanakan tindakan kajian saya dengan beberapa bahagian dengan merujuk kepada model Stephen Kemmis. Saya telah melaksanakan tindakan saya dalam enam fasa dengan tujuan dapat mencari masalah yang wujud, menilai keberkesanan pembelajaran visual di prasekolah serta mengumpul data-data yang berkaitan dengan kajian tindakan saya.

Perancangan Tindakan

Strategi pembelajaran yang telah saya mengaplikasikan untuk mengatasi masalah yang wujud pada para murid adalah kaedah pembelajaran visual. Tema pembelajaran yang digunakan dalam kajian saya ini ialah “Bunga” untuk murid-murid prasekolah. Sebelum menjalankan pembelajaran visual, saya akan menyediakan satu rancangan pembelajaran yang berkaitan dengan topik yang saya mengajar dengan berpandukan model Stephen Kemmis. Objektif telah ditetapkan sebagai hala tuju kepada guru untuk menyampaikan isi pelajaran.


Menurut Rosniah Mustaffa (2007), pelajar visual, iaitu mereka yang gemar belajar dengan melihat maklumat baru yang dipelajari itu samada dalam bentuk gambar rajah atau grafik. Mereka juga boleh menggambarkan apa yang dibaca atau dilihat sebelumnya. Di sini, pembelajaran visual dapat membantu murid untuk mengkaitkan sesuatu yang telah dipelajari dengan bahan sebelumnya. Ini dapat meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan. Pembelajaran visual yang menarik dapat mempercepat daya serap peserta didik dalam memahami pelajaran yang disampaikan. Selain itu, pembelajaran melalui visual juga menggalakkan murid untuk mengingat apa yang disampaikan oleh guru sejurus meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas prasekolah. Oleh itu, saya telah menyediakan pelbagai jenis bahan bantu mengajar visual untuk pengajaran dan pembelajaran dalam kelas prasekolah. Bahan-bahan visual ini adalah seperti ini adalah seperti gambar, lukisan dan video. Saya berharap saya dapat meningkatkan tahap kefahaman para murid menerusi bahan-bahan tersebut.

Tindakan

Model yang telah saya mengaplikasikan dalam kajian tindakan ini adalah model Stephen Kemmis. Stephen Kemmis dan Robin Mctaggart (1988) telah memperkenalkan pendekatan ini untuk menjalankan Penyelidikan Tindakan. Pendekatan yang diutarakan terdiri daripada empat langkah iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi.

Dalam kajian ini, saya telah mengikut langkah-langkah yang terdapat dalam model Stephen Kemmis untuk menjalankan kajian tindakan saya di sekolah. Pada peringkat mulanya, saya telah membuat perancangan yang rapi untuk memulakan kajian tindakan ini. Selepas itu, saya akan bertindak mengikut perancangan. Saya akan memerhati dan membuat refleksi berdasarkan tindakan yang dilakukan.

Rajah 1 menunjukkan dua kitaran tentang model kajian Stephen Kemmis



Rajah 1-Model Stephen Kemmis

Pembelajaran visual berpandukan gambar telah dijalankan untuk menguji tahap keberkesannya dalam pembelajaran dan pengajaran untuk menilai tahap kefahaman murid-murid prasekolah. Saya telah menyediakan pembelajaran dan pengajaran pembelajaran visual mengikut model Stephen Kemmis dengan berdasarkan enam fasa iaitu perancangan, set induksi, pengumpulan idea, penyusunan semula idea, aplikasi idea dan penutup.

Fasa 1

Sebelum menjalankan pengajaran dan pembelajaran visual dengan gambar, saya akan menyediakan satu slot pengajaran yang sesuai dan berpandukan tema yang ditetapkan pada minggu tersebut. Objektif pengajaran dan pembelajaran ditetapkan untuk menguji keberkesanan rancangan yang telah disediakan. Objektif yang ditetapkan boleh dijadikan hala tuju kepada guru semasa guru mengajar.

Fasa 2

Pada bahagian set induksi, saya akan bersoaljawab dengan murid berkaitan tentang tema yang diajar. Saya akan mencuba bersoaljawab dengan murid dengan cara penyampaian teka-teki. Contohnya, saya akan bertanya kepada murid tentang apa bentuk luaran yang saya lukis di papan tulis. Murid dikehendaki meneka apa yang mahu disampaikan oleh saya sebenarnya. Ini dapat menarik minat murid untuk mengetahui dan memberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Fasa 3

Dalam bahagian ini, saya akan menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan tema yang saya ajar. Contohnya, gambar bunga seperti bunga mawar, bunga tulip, bunga matahari dan lain-lain lagi. Murid dikehendaki memberi respon terhadap gambar yang ditunjukkan. Rasional untuk berbuat demikian adalah untuk merangsang pemikiran kanak-kanak dan mengenal pasti tentang pengetahuan sedia ada yang terdapat dalam murid-murid prasekolah. Ia juga bertujuan untuk menjana idea-idea yang terdapat pada murid-murid prasekolah.

Fasa 4

Untuk bahagian ini, saya telah menunjukkan gambar-gambar tentang bunga. Saya mencari gambar dari internet dan saya akan cetak gambar tersebut dalam size A4. Contohnya, gambar bunga mawar pada sekeping kertas bersize A4. Ini akan memudahkan murid-murid prasekolah untuk melihat gambar yang ditunjukkan. Selain itu, gambar bunga yang ditunjukkan perlu berada dalam bentuk "*white background*". Ini akan membantu memfokus pada gambar yang ditunjukkan. Selepas itu, saya akan memperkenalkan nama bunga kepada para murid. Rasional saya berbuat demikian ialah untuk meningkatkan tahap kefahaman murid-murid dan juga menarik minat mereka untuk menumpukan perhatian terhadap apa yang disampaikan oleh saya. Murid-murid juga berpeluang mengenali ciri-ciri yang terdapat pada bunga.

Fasa 5

Saya memberi lembaran kerja kepada murid untuk mengukuhkan tahap pemahaman mereka terhadap apa yang disampaikan. Lembaran kerja yang dibagi

haruslah ringkas dan sesuai dengan tahap perkembangan murid-murid. Contohnya, lembaran kerja yang mempunyai pelbagai jenis bunga tapi murid disuruh padankan gambar ke nama bunga dengan betul. Rasional untuk menjalankan aktiviti ini ialah untuk mengukuhkan pemahaman murid-murid terhadap apa yang disampaikan oleh guru.

Fasa 6

Pada bahagian penutup, saya akan bersoaljawab dengan murid terhadap apa yang dipelajari. Saya akan mengulang semula apa yang diperkenalkan dan murid-murid disuruh mengingati pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Rasional untuk berbuat demikian ialah untuk membuat penilaian dan menentukan sama ada objektif yang ditetapkan tercapai atau tidak.

METODOLOGI

Pada bahagian metodologi, saya akan menerangkan tentang peserta kajian saya, etika penyelidikan, teknik mengumpul data, analisis data serta teknik menyemak data.

Peserta Kajian

Saya telah memilih murid-murid prasekolah B Sekolah Kebangsaan Gita yang seramai 25 orang. Dari 25 orang murid, 12 orang murid merupakan murid lelaki manakala 13 orang murid merupakan murid perempuan. Saya memilih murid-murid prasekolah B kerana saya menjalani praktikum saya di prasekolah tersebut. Daripada 25 orang murid, dua orang tidak hadir semasa saya menjalankan kajian tindakan saya.

Etika Penyelidikan

Sebelum saya menjalankan kajian penyelidikan saya, saya telah memohon kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalani kajian tersebut. Permohonan ini adalah bertujuan sebagai satu pemberitahuan kepada pihak sekolah supaya tidak mengganggu aktiviti harian di sekolah. Selain itu, saya juga telah memohon kebenaran dari guru prasekolah untuk menjalani kajian yang telah dirancang. Di samping itu, saya juga telah meminta kebenaran dari murid untuk menemu bual mereka.

TEKNIK MENGUMPUL DATA

Saya telah mengumpul data kajian dengan menggunakan dua cara iaitu melalui pemerhatian dan hasil kerja murid.

Pemerhatian

Instrumen yang saya gunakan dalam kaedah pemerhatian ialah senarai semak dan kaedah temu bual. Saya menjalani pemerhatian berpandukan senarai semak dan mencatat tingkah laku murid, tahap kefahaman murid dan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Data ini dikira mengikut jantina yang berbeza. Saya telah mengumpul semua keputusan dari senarai semak dan mengira peratusan para murid yang mempunyai tingkah laku yang spesifik.

Selain dari menggunakan senarai semak, saya juga mengumpul data dengan menggunakan kaedah temu bual. Para murid telah diberi kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka serta menjawab soalan yang dituju dengan daya keupayaan sendiri. Saya akan mencatat semua kandungan temu bual dan menganalisis serta mengambil isi-isi yang penting untuk dijadikan maklumat yang penting dalam kajian saya.

Hasil Kerja Murid

Saya juga telah mengumpul data melalui hasil kerja murid. Lembaran kerja dibagi untuk menguji tahap kefahaman murid. Lembaran kerja dibagi kepada murid-murid prasekolah sebagai latihan pengukuhan dan guru boleh mengetahui sejauh mana tahap kefahaman mereka tentang pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan.

Saya telah merancang dan menyediakan dua set lembaran kerja yang mempunyai format dan bilangan soalan yang sama. Lembaran kerja tersebut akan dibagi kepada murid prasekolah pada masa yang berlainan iaitu satu sebelum saya memulakan kajian tindakan saya, dan yang kedua akan dibagi kepada mereka selepas saya menggunakan kaedah pembelajaran visual dalam pengajaran dan pembelajaran. Saya telah memperoleh markah melalui lembaran kerja yang dibuat oleh murid dan markah tersebut akan dijadikan data yang boleh menunjukkan keberkesanan strategi pembelajaran visual untuk kanak-kanak prasekolah. Saya telah menghitung frekuensi, mod dan peratus pencapaian berdasarkan dua lembaran kerja tersebut.

Selepas itu, markah min digunakan untuk membanding beza pencapaian murid menerusi lembaran kerja yang mereka buat sebelum dan selepas pembelajaran visual dikendalikan.

Analisis Data

Data-data yang dikumpul telah dianalisis berdasarkan pemerhatian iaitu melalui senarai semak, temu bual dengan murid, hasil kerja murid melalui lembaran kerja.

Analisis Pemerhatian

Melalui pemerhatian, saya telah mendapati terdapat perubahan yang jelas dalam kalangan murid prasekolah. Mereka telah berubah menjadi lebih aktif dan mula menaruh minat terhadap apa yang ingin disampaikan oleh guru. Yang penting sekali, mereka telah memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru secara ansur maju.

Apabila pembelajaran visual dijalankan, murid-murid akan lebih menumpu perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Pembelajaran visual berjaya menarik minat mereka dan mereka tidak mengacau murid-murid yang lain.

Selain itu, sifat murid juga berubah dan mereka telah mula bertanya soalan apabila sesuatu gambaran visual ditunjukkan. Murid-murid mula meneka tentang pembelajaran visual yang akan dijalankan dan ini juga membangkitkan sifat ingin tahu mereka.

Di samping itu, saya juga mendapati bahawa murid-murid di kelas saya tidak lagi menunjukkan wajah yang bosan dan kurang berminat dalam pengajaran saya. Mereka telah berebut-rebut untuk mengetahui gambaran visual yang akan digunakan. Dengan itu, murid-murid akan mendengar dan mematuhi arahan guru.

Analisis Temu Bual Dengan Murid Prasekolah

Soalan temu bual dengan murid mesti senang dan mudah difahami. Melalui temu bual dengan dua orang murid, saya mendapati pembelajaran visual berjaya menarik minat mereka dan meningkatkan tahap kefahaman mereka. Dari dua murid prasekolah, seorang lebih aktif manakala seorang lagi bersikap pendiam. Kedua-dua murid tersebut berjaya memahami apa yang disampaikan oleh guru. Mereka mempunyai minat terhadap pembelajaran visual.

Kawalan kelas menjadi bagus dimana murid yang lebih aktif telah menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran guru kerana mereka ingin mengetahui tentang gambaran visual yang hendak ditunjukkan oleh guru. Bagi murid yang pendiam, mereka telah menunjukkan minat dan sanggup mengangkat tangan untuk mencuba memberi pendapat.

Contoh Temu Bual Dengan Murid Prasekolah

Cikgu : Adakah kamu suka cikgu mengajar dengan menggunakan gambar ?

Murid : Suka cikgu.

Cikgu : Apabila cikgu mengajar dengan gambar, kamu faham apa yang cikgu ajar ?

Murid : Faham cikgu.

Analisis Hasil Kerja Murid


Saya telah menyediakan dua set lembaran kerja. Kedua-dua set lembaran kerja mempunyai soalan yang sama. Kemajuan murid dinilai dan dicatat. Perbandingan dijalankan supaya dapat mengesan keberkesanan pembelajaran visual. Oleh itu, untuk memudahkan saya menilai kemajuan dan perkembangan murid, saya telah menilai lembaran kerja tersebut dari 100 markah. Satu soalan bersamaan dengan 20 markah. Keputusan markah akan dibuat dalam bentuk graf.

Rajah 2 merupakan markah lembaran kerja yang diperoleh oleh murid prasekolah sebelum dan selepas pembelajaran visual dilakukan. Rajah 2 menunjukkan dengan jelas bahawa murid-murid prasekolah telah mencapai peningkatan selepas pembelajaran visual dijalankan.

Terdapat dua orang murid tidak hadir semasa kajian tindakan dijalankan. 23 orang murid prasekolah telah mencapai peningkatan dalam usaha membuat lembaran kerja selepas pembelajaran visual dijalankan. Peningkatan markah dari lembaran kerja adalah dalam lingkungan 0 hingga 100. Min markah yang diperoleh sebelum

pembelajaran visual dijalankan ialah sebanyak 8.8. Min markah telah meningkat kepada 79.2 selepas pembelajaran visual dijalankan.

Melalui markah lembaran kerja sebelum pembelajaran visual dijalankan, lingkungan markah yang diperoleh oleh murid adalah antara 0 – 40. Manakala selepas pembelajaran visual dijalankan, lingkungan markah yang diperoleh oleh murid adalah antara 40 – 100. Keputusan ini telah menunjukkan terdapat peningkatan pada para murid selepas pembelajaran visual dijalankan.



Rajah 2 – Analisis Keputusan Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Pembelajaran Visual

Teknik Menyemak Data

Triangulasi maklumat dikumpul

Triangulasi digunakan untuk mengesahkan hasil dapatan dan keputusan penyelidikan yang dijalankan secara kualitatif. Tujuan triangulasi adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif iaitu dengan mendapatkan data daripada punca yang berbeza.

Triangulasi kaedah

Terdapat dua kaedah pengumpulan data. Yang pertama ialah melalui pemerhatian dengan instrumen senarai semak dan temu bual. Kedua ialah dengan menggunakan hasil kerja murid. Penggunaan kedua-dua kaedah ini akan saling melengkapi antara satu dengan yang lain, ketidakjelasan daripada pengutipan data teknik pemerhatian akan ditanya kepada responden melalui teknik temu bual dan akan disokong oleh hasil kerja murid.

Penggunaan semua kaedah tersebut merupakan bahagian daripada proses triangulasi yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan meyakinkan tentang konsep yang dikaji. Triangulasi kaedah ini adalah berkesan untuk meningkatkan ketepatan data atau maklumat yang dikumpul.

DAPATAN KAJIAN

Daripada analisis data yang telah dijalankan, saya telah mendapat keputusan bahawa pembelajaran visual dapat membantu murid-murid prasekolah memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu, murid-murid prasekolah juga menunjuk minat terhadap apa yang hendak disampaikan oleh saya. Melalui pembelajaran visual, murid-murid prasekolah dapat memahami serta menghubungkan gambaran visual dengan ciri-ciri yang terdapat padanya. Ini dapat membantu mereka mengenali dengan tepat tentang setiap pembelajaran yang disampaikan serta memahaminya. Secara keseluruhan, pembelajaran visual dapat membantu guru menyelesaikan masalah kurang memahami dalam kalangan murid-murid serta meningkatkan tahap kefahaman mereka.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Selepas kajian tindakan ini dijalankan, saya telah mempelajari banyak ilmu yang baru. Saya memilih tajuk ini untuk kajian tindakan saya adalah kerana kaedah pembelajaran visual ini menarik dan berkesan.

Saya telah memilih kaedah ini berdasarkan pengalaman mengajar saya dalam praktikum yang lepas. Sepanjang tempoh praktikum, saya telah mendapati bahawa terdapat sebilangan murid yang kurang berminat tentang pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Selain itu, saya juga mengesan terdapat sebilangan murid yang tidak memahami tentang pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Pada mulanya, murid-murid akan menumpukan perhatian kepada guru tetapi selepas seketika, murid-murid telah mulai hilang perhatian. Oleh yang demikian, saya telah memilih dan melaksanakan satu strategi pembelajaran untuk menyelesaikan masalah tersebut. Walaubagaimanapun, saya mendapati bahawa masalah ini susah diselesaikan dalam masa yang singkat. Oleh itu, saya telah mencari maklumat berkaitan dengan masalah tersebut dari pelbagai sumber. Selain itu, saya juga menjalankan beberapa pra kajian untuk mengesan tentang punca-punca yang berlaku dalam kalangan murid.

Pembelajaran visual ini memudahkan murid mengenali tentang ciri-ciri yang terdapat pada pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Bahan-bahan visual yang boleh dinampak dan ditonton pasti akan membolehkan murid untuk memahami dengan mudah. Kajian tindakan yang telah saya jalankan adalah untuk mengesan tentang penggunaan pembelajaran visual dalam menyelesaikan masalah yang wujud dalam kalangan murid prasekolah. Pada pendapat saya, kajian ini telah dijalankan dengan lancar dan saya berupaya untuk mengutip data yang boleh membuktikan kebaikan penggunaan pembelajaran visual dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

Refleksi Penilaian Tindakan

Selepas kajian penyelidikan ini dijalankan, saya mendapati bahawa banyak perkara yang telah saya alami menerusi kajian ini. Pada mulanya, saya akan memilih

tajuk ini sebagai kajian penyelidikan adalah disebabkan cara pembelajaran ini adalah lebih menarik dan berkesan dalam mengajar para murid.

Saya telah memilih kaedah pembelajaran ini berdasarkan pengalaman mengajar saya dalam fasa praktikum yang lepas. Sepanjang tempoh praktikum, saya telah mengesan bahawa terdapat masalah kurang memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh saya. Pada mulanya, mereka akan menumpukan segala perhatian kepada guru, tetapi selepas seketika, mereka mulai hilang minat untuk belajar kerana mereka tidak apa yang disampaikan oleh guru. Oleh sebab sedemikian, saya telah memilih dan melaksanakan satu strategi pembelajaran untuk menyelesaikan masalah tersebut. Walaubagaimanapun, saya sedar bahawa masalah pembelajaran ini bukan mudah untuk diselesaikan dalam tempoh masa yang pendek. Saya telah mencari maklumat yang berkaitan dengan masalah tersebut daripada pelbagai jenis sumber. Selain itu, saya juga menjalankan beberapa pra kajian untuk mengesan tentang punca-punca berlakunya masalah di kalangan murid.

Pada pendapat saya, aktiviti "*hands on*" bukan paling sesuai dan berkesan kepada semua topik yang terdapat dalam sukatan pembelajaran prasekolah. Sebagai contohnya, untuk tema "Bunga" dalam sukatan pelajaran prasekolah adalah tidak sesuai sekiranya diajar menerusi aktiviti "*hands on*". Pada pendapat saya, gaya pembelajaran visual merupakan satu strategi pembelajaran yang lebih berkesan dalam mengajar topik tersebut. Hal ini sedemikian kerana melalui bahan-bahan visual yang sesuai, maka para murid dapat mengenali pelbagai jenis bunga yang terdapat di seluruh dunia.

Selain daripada itu, pembelajaran visual ini juga boleh memudahkan para murid mengenali tentang ciri-ciri yang terdapat pada bunga. Bahan-bahan yang boleh dinampak dan ditonton oleh murid sudah tentu akan membolehkan para murid untuk memahami dengan lebih mudah. Hal ini sedemikian kerana menurut satu kajian pendidikan yang telah dijalankan, ia menyatakan bahawa pembelajaran melalui penglihatan adalah meliputi 83% sekiranya dibandingkan dengan pancaindera yang lain. Sasaran utama dalam kajian saya adalah murid-murid prasekolah yang cuma berumur 6 tahun. Mereka masih belum mencapai kemahiran berfikir dan menganalisis pada tahap yang tinggi, maka pembelajaran visual adalah lebih bersesuaian kepada mereka.

Kajian tindakan yang telah saya jalankan adalah untuk mengesan tentang penggunaan pembelajaran visual dalam menyelesaikan masalah pembelajaran yang wujud pada kalangan para murid. Pada pendapat saya, kajian ini telah dijalankan dengan lancar dan saya berupaya untuk mengutip data yang boleh membuktikan kebaikan penggunaan pembelajaran visual dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

Refleksi Kendiri

Menerusi kajian tindakan ini, saya telah mengalami banyak perkara yang dapat mendatangkan pengetahuan baru. Pada mulanya, saya telah mempelajari tentang langkah-langkah yang betul untuk merancang satu kajian penyelidikan. Bermula daripada mengesan isu-isu masalah yang terdapat dalam kelas, saya telah

memperoleh ilmu pengetahuan yang baru dan berguna. Saya telah mempelajari beberapa langkah untuk mengesan tingkah laku dan maklum balas murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Pada pendapat saya, sebagai seorang pendidik mesti peka terhadap isu atau masalah yang berlaku di kalangan murid. Seseorang guru tidak boleh mementingkan diri sendiri dan mengabaikan keperluan murid-murid. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam mengesan masalah pembelajaran yang wujud pada kalangan murid dan seterusnya merancang penyelesaian terhadap masalah tersebut.

Saya berharap kajian penyelidikan yang saya jalankan dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan motivasi dan pembelajaran yang kreatif untuk merangsang minda mereka. Pembelajaran visual dapat membantu murid-murid menghubungkan apa yang dipelajari dan membantu mereka memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Cadangan Tindakan Untuk Kitaran Seterusnya

Untuk cadangan kajian seterusnya, saya berharap saya dapat memperbaiki kajian tindakan ini dari pelbagai aspek. Yang pertama, saya akan mencari maklumat yang lebih banyak dan berkaitan dengan tajuk kajian saya. Saya akan mengkaji lebih tentang jurnal dan kajian yang dihasilkan oleh pakar lain untuk menjadikan satu rujukan kepada saya.

Selain itu, saya berharap saya dapat mengagih bilangan sasaran saya kepada beberapa kumpulan kecil dalam tiga golongan iaitu lemah, sederhana dan bagus. Saya akan membuat pembelajaran visual yang berbeza supaya mendapat keberkesanan yang lebih bagus. Di samping itu, saya juga berharap masa untuk menjalankan kajian penyelidikan ini dapat diperbanyakkan lagi. Saya telah menyediakan kajian ini dalam tempoh masa hampir 2 bulan. Tempoh masa ini boleh dikatakan agak singkat sekiranya digunakan untuk menghasilkan satu kajian pendidikan yang merangkumi bilangan murid yang banyak. Saya berharap tempoh masa ini diperpanjangkan sehingga 4 bulan supaya saya mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat kajian tindakan yang lebih berkualiti.

RUJUKAN

- Adam Taib & Tan T. S. (1983). *Pameran Visual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Faud Muhammad. (2007). *Pembelajaran Melalui Visual*. Diperoleh Mac 10, 2012 dari <http://www.scribd.com/doc/7850798/PEMBELAJARAN-MELALUI-VISUAL>
- Ahmad Nazir Muhammad Ali. (2006). *Penyelidikan tentang pembelajaran visual dalam mempertingkatkan pemahaman murid*.
- Nuriata Putrani. (2006). *Gaya Belajar Anda Visual, Auditori, atau Kinestetik*. Diperoleh Mac 4, 2012 dari <http://nuritaputranti.wordpress.com/2007/12/28/gaya-belajar-anda-visual-auditori-atau-kinestetik/>
- Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya Syazwani Binti Abdul Razak, *Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian mata pelajaran*. Diperoleh Mac 12, 2012 dari <http://eprints.utm.my/6059/1/aziziyahwani.pdf>
- Rosniah Mustaffa, 2007, *Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM*.
- Tan, Phei Yee (2007) *Kesan gaya pembelajaran visual, audio dan kinestetik terhadap pembelajaran bahasa pengaturcaraan di kalangan pelajar politeknik*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.